

**PEMATUHAN SYARIAH DALAM PELAKSANAAN SISTEM HIBAH
TAKAFUL DI MALAYSIA: PERBINCANGAN MENURUT
PERSPEKTIF FIQH ISLAM**

***SHARIAH COMPLIANCE IN THE IMPLEMENTATION OF TAKAFUL
HIBAH SYSTEM IN MALAYSIA: AN ANALYSIS FROM THE
PERSPECTIVE OF ISLAMIC FIQH***

Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar*

Universiti Tun Hussein Onn, Persiaran Tun Dr. Ismail,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

Shakila Ahmad

Universiti Tun Hussein Onn, Persiaran Tun Dr. Ismail,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

Che Adenan Mohammad

Universiti Tun Hussein Onn, Persiaran Tun Dr. Ismail,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

Arwansyah Kirin

Universiti Tun Hussein Onn, Persiaran Tun Dr. Ismail,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

Faisal Husen Ismail

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia,
Minden, 11800, Penang, Malaysia

Mohammad Ghozali

University Darussalam Gontor,
Jl. Raya Siman, Ponorogo, Jawa Timur 63471, Indonesia

Muhamad Tarmize Mohd Nor

Sinar Islam Plus,
No. 1, Jalan Renggam 15/5, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
42000 Shah Alam, Selangor, Malaysia

**Corresponding Author's Email: khadijah@uthm.edu.my*

Article History:

Received : 26 August 2025

Accepted : 3 November 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Syed Abu Bakar, S. K., Ahmad, S., Mohammad, C. H., Kirin, A., Husen Ismail, F., Ghozali, M. & Mohd Nor, M. T. (2025). Pematuhan Syariah dalam Pelaksanaan Sistem Hibah Takaful di Malaysia: Perbincangan Menurut Perspektif Fiqh Islam. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 70-82

ABSTRAK

Hibah dan takaful adalah dua konsep penting dalam Islam yang berkait rapat dengan prinsip tolong-menolong dan pengurusan harta. Hibah merujuk kepada pemberian sukarela daripada seseorang kepada pihak lain tanpa sebarang balasan, manakala takaful adalah sistem insuran Islam yang berasaskan prinsip saling membantu dan berkongsi risiko. Penulisan ini akan mengkaji kaedah pematuhan syariah yang diamalkan di Malaysia dalam pelaksanaan hibah takaful, serta ciri-ciri utama yang membezakan hibah takaful daripada sistem hibah konvensional. Pandangan ulama dan fatwa berkaitan akan dibincangkan bagi memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai hukum pelaksanaan sistem ini dalam konteks Fiqh Islam. Melalui analisis mendalam, kajian ini juga akan membandingkan pelaksanaan hibah takaful di Malaysia dengan prinsip-prinsip hibah dalam Islam, serta menilai sejauh mana ianya menepati syariat. Akhirnya, kajian ini akan mencadangkan penambahbaikan yang boleh diambil untuk memastikan sistem hibah takaful terus relevan dan patuh syariah dalam konteks moden.

Kata kunci: hibah, takaful, fiqh, fatwa, insuran, Malaysia

ABSTRACT

Hibah and takaful are two important concepts in Islam that are closely related to the principles of mutual assistance and wealth management. Hibah refers to a voluntary transfer of ownership from one party to another without any form of compensation, while takaful is an Islamic insurance system based on the principles of mutual cooperation and risk-sharing. This study examines the Shariah compliance mechanisms practiced in Malaysia in the implementation of takaful hibah, as well as the key features that distinguish takaful hibah from conventional hibah systems. The views of Islamic scholars and relevant fatwas are discussed to provide a clearer understanding of the legal rulings governing this system from the perspective of Islamic fiqh. Through an in-depth analysis, this study also compares the implementation of takaful hibah in Malaysia with the fundamental principles of hibah in Islam, assessing the extent to which it complies with Shariah requirements. Finally, the study proposes several improvements to ensure that the takaful hibah system remains relevant and fully Shariah-compliant in the modern context.

Keywords: hibah, takaful, fiqh, fatwa, insurance, Malaysia

1.0 PENGENALAN

Industri takaful di Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang signifikan dalam beberapa dekad kebelakangan ini, selari dengan permintaan masyarakat Muslim yang semakin menyedari keperluan perlindungan kewangan yang patuh syariah. Konsep hibah iaitu pemberian secara sukarela tanpa balasan apabila digabungkan dengan mekanisme takaful, menghasilkan satu instrumen alternatif yang menarik iaitu Sistem Hibah Takaful. Sistem ini merangka manfaat takaful sebagai hibah kepada waris atau penerima yang ditetapkan bertujuan memperkukuh perlindungan kewangan keluarga dan menjaga harta peserta daripada beban risiko contohnya apabila peserta meninggal dunia atau mengalami hilang upaya. Di Malaysia, syarikat takaful memperkenalkan pelan 'Hibah Takaful' dengan manfaat kepada waris secara langsung tanpa menunggu pembahagian harta pusaka.

Walaupun sistem hibah takaful menawarkan kelebihan dari aspek muamalat Islam seperti kerjasama (*ta'āwun*) dan saling melindungi (takaful), terdapat perbagai cabaran dari sudut pematuhan syariah. Antara isu utama yang kerap dibincangkan ialah kejelasan akad hibah, mekanisme penyerahan hak, kemungkinan unsur *gharar* (ketidakpastian) atau *maysir* (perjudian) dalam produk serta tahap tadbir urus syariah yang dilaksanakan oleh pengendali takaful. Kajian terkini terhadap syarikat takaful di Malaysia juga menunjukkan pengurusan risiko syariah termasuk perubahan status sekuriti yang patuh syariah menjadi satu cabaran utama dalam memastikan operasi takaful benar-benar patuh syariah (Mohd. Faiz, 2025).

Kajian ini berpandukan perspektif fiqh Islam dan mengambil pendekatan analisis kaedah kajian kepustakaan. Ia bertujuan untuk menilai sejauh mana pelaksanaan sistem hibah takaful di Malaysia mematuhi prinsip-prinsip muamalat Islam, termasuk syarat hibah, akad, keperluan syariah dan tujuan syariah (*maqāṣid al-syarī'ah*). Dengan menggabungkan analisis literatur terkini (2023–2025) serta perspektif ulama dan fatwa berkaitan, kajian ini berharap untuk mengisi jurang pengetahuan tentang bagaimana konsep hibah boleh dimanfaatkan dalam takaful secara patuh syariah dan relevan dengan konteks moden Malaysia.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji beberapa aspek penting serta menetapkan empat objektif utama, iaitu:

- i. Meneliti kaedah pematuhan syariah yang diamalkan dalam pelaksanaan hibah takaful di Malaysia;
- ii. Menghuraikan ciri utama yang membezakan hibah takaful daripada sistem hibah konvensional berdasarkan perspektif fiqh Islam;
- iii. Menganalisis sejauhmana pelaksanaan hibah takaful di Malaysia menepati prinsip muamalat Islam dan maqasid syariah;
- iv. Mencadangkan penambahbaikan yang boleh diambil untuk memastikan sistem hibah takaful relevan dan patuh syariah dalam konteks moden.

Justeru itu, kajian ini akan disusun dengan menjelaskan tinjauan literatur yang menumpukan kepada fiqh hibah, pelaksanaan hibah dalam takaful di Malaysia, tadbir urus syariah dan literasi digital kewangan dalam konteks hibah takaful. Seterusnya dengan menjelaskan metodologi kajian, dapatan, perbincangan yang mengaitkan penemuan kerangka al-Quran dan fiqh serta kesimpulan dan cadangan.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Fiqh Hibah Dalam Konteks Takaful

Konsep hibah dalam muamalat Islam merujuk kepada pemberian sukarela (tabarru') ketika pemberi masih hidup, tanpa sebarang balasan ('iwad), dan dengan niat ikhlas serta penyerahan hak kepada penerima. Kajian di Malaysia menunjukkan bahawa kesedaran terhadap hibah sebagai mekanisme pengurusan harta Islam masih dalam tahap yang memerlukan penambahbaikan. Sebagai contoh, kajian di Negeri Sembilan menemukan bahawa walaupun majoriti responden mempunyai kesedaran tinggi terhadap hibah, terdapat kekurangan dalam pemahaman aspek teknikal dan syaratnya (WNHW Jusoh, 2024).

Dalam konteks takaful, penerapan hibah sebagai manfaat kepada waris peserta perlu memenuhi syarat-syarat fiqh seperti akad yang sah, penguasaan hak oleh penerima, tiada unsur *gharar* (ketidakpastian) atau *maysir* (perjudian). Kajian berkaitan hibah takaful di Malaysia juga menunjukkan terdapat kekaburan dalam status akad hibah bersyarat dan bagaimana ia dilaksanakan oleh pihak pengendali (Batrisya, 2024).

Tambahan pula aspek undang-undang tempatan mengenai hibah masih belum spesifik untuk mekanisme hibah takaful. Kajian telah mencatat bahawa tiada undang-undang negeri yang secara khusus mengatur hibah secara komprehensif di semua negeri di Malaysia (AF Azmi, 2024).

2.2 Pelaksanaan Hibah Dalam Takaful Di Malaysia

Industri takaful di Malaysia menunjukkan pertumbuhan dan peningkatan kesedaran di mana syarikat-syarikat takaful telah mengeluarkan produk hibah takaful sebagai satu alternatif kepada manfaat warisan atau pembahagian harta. Sebagai contoh, laporan tahunan Takaful Malaysia Keluarga 2024 mencatat bahawa mereka menekankan inovasi produk dan teknologi untuk memastikan kecekapan operasi dan pematuhan syariah (Takaful Malaysia Report, 2024).

Walaupun begitu, kajian menunjukkan bahawa produk-produk hibah takaful masih menghadapi cabaran seperti kefahaman peserta terhadap syarat hibah, mekanisme digital pengagihan manfaat dan sifat akad hibah itu sendiri. Antaranya adalah kajian yang menyebut bahawa peserta tidak selalu memahami bahawa manfaat takaful boleh dikategorikan sebagai hibah dan bukannya hanya manfaat kewangan biasa (Batrisya, 2024).

2.3 Tadbir Urus Syariah Dan Maqasid Syariah Dalam Industri Takaful

Tadbir urus syariah peserta (Shariah governance) merupakan aspek kritikal dalam memastikan produk takaful termasuk hibah takaful benar-benar patuh syariah. Ini termasuk kejelasan akad, kebertanggungjawaban panel syariah dan pengauditan dana tabarru'. Status pematuhan syariah juga dialihkan secara langsung kepada kepercayaan peserta dan kestabilan industri. Sementara itu, prinsip-prinsip maqasid syariah seperti *hifz al-māl* (melindungi harta), *hifz al-nasl* (melindungi keturunan) dan *hifz al-'aql* (melindungi akal) menjadi rujukan dalam penilaian produk hibah

takaful. Kajian literatur menunjukkan bahawa produk takaful yang membina elemen ini mempunyai peluang yang lebih baik untuk diterima oleh peserta Muslim.

Contoh dasar nasional seperti kerangka inklusi kewangan dan literasi kewangan di Malaysia juga menunjukkan pengiktirafan terhadap kepentingan memproteksi masyarakat melalui instrumen kewangan Islam (Financial Inclusion Framework, 2023-2026).

2.4 Literasi Digital Dan Literasi Kewangan Dalam Produk Hibah Takaful

Pelaksanaan produk hibah takaful moden semakin bergantung kepada platform digital sebagai pemain takaful dengan menggunakan aplikasi, web dan pengagihan elektronik untuk proses pendaftaran, sumbangan dan pengagihan manfaat. Oleh itu, literasi digital dan literasi kewangan peserta menjadi faktor penting dalam memastikan peserta memahami hak, tanggungjawab dan mekanisme produk. Kajian “The Role of Financial Literacy in Promoting Takaful Awareness” menunjukkan bahawa literasi kewangan yang rendah dalam kalangan kumpulan B40 menjadi penghalang utama kepada pemilikan takaful (Khairina Rosli, 2024).

Di samping itu, Malaysia melalui program seperti “Financial Literacy Month” (2023) menunjukkan usaha dalam menyebarkan literasi kewangan kepada orang ramai. Pengintegrasian literasi digital pula dibentuk dengan kajian yang merumuskan kerangka kesiapsiagaan pengguna terhadap e-takaful (digital takaful), yang menunjukkan bahawa walaupun teknologi tersedia, kefahaman pengguna terhadap sistem itu masih dalam tahap awal (Hanan, 2024).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kualitatif dipilih bagi kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menganalisa pelaksanaan sistem hibah takaful di Malaysia berdasarkan sumber-sumber ilmiah Islam. Pendekatan ini sesuai kerana objektif utama kajian ialah memahami konsep, prinsip dan pelaksanaan hibah takaful menurut perspektif fiqh Islam tanpa melibatkan data lapangan. Kajian ini menumpukan kepada analisis dokumen sekunder yang merangkumi:

- i. Artikel jurnal (2020–2025) berkaitan hibah, takaful dan pematuhan syariah.
- ii. Laporan tahunan syarikat takaful Malaysia.
- iii. Buku dan fatwa JAKIM serta Majlis Fatwa Kebangsaan.
- iv. Resolusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Negara Malaysia mengenai tabdir urus syariah.
- v. Karya fiqh klasik dan kontemporari berkaitan hibah.

Pendekatan ini membolehkan penyelidik meneliti prinsip hibah dan pelaksanaannya secara menyeluruh, termasuk perbandingan dengan amalan semasa dalam industri takaful. Menurut Zainuddin dan Kamaruddin (2024), pendekatan kepustakaan membolehkan analisis yang lebih mendalam terhadap isu fiqh muamalat dengan mengambil kira pelbagai pandangan fuqaha klasik dan kontemporari tanpa terikat kepada batasan lapangan empirik.

Sumber utama dalam kajian ini dibahagikan kepada dua kategori utama, yang masing-masing memainkan peranan penting dalam menyokong kerangka analisis serta memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, iaitu:

- i. Sumber primer: al-Quran, hadis, ijmak, qiyas dan fatwa semasa berkaitan hibah takaful serta teks fiqh utama;
- ii. Sumber sekunder: Jurnal akademik, tesis sarjana, laporan institusi kewangan Islam, laman sesawang rasmi syarikat takaful serta artikel penyelidikan yang diterbitkan antara 2023–2025.

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis tematik. Proses analisis melibatkan peringkat berikut:

- i. Mengenal pasti isu berkaitan fiqh hibah, akad, maqasid syariah, dan tadbir urus takaful;
- ii. Menilai kandungan dan membandingkan prinsip fiqh dengan amalan semasa syarikat takaful berdasarkan dokumen, laporan dan fatwa;
- iii. Merumus dan menghasilkan dapatan berasaskan kesesuaian antara teori fiqh Islam dan realiti pelaksanaan hibah takaful di Malaysia.

Kaedah ini digunakan secara meluas dalam kajian muamalat Islam kontemporari (Mohamad & Yusof, 2023; Ahmad et al., 2024). Ahmad dan Yusof (2024) juga menegaskan bahawa analisis tematik amat sesuai bagi menilai pematuhan syariah produk kewangan Islam kerana ia menggabungkan pandangan fuqaha, dokumen korporat, dan dasar perundangan dalam satu kerangka bersepadu. Walaupun kajian ini tidak melibatkan kajian responden manusia, etika penyelidikan tetap diutamakan dengan memastikan kesahihan sumber dan pengiktirafan terhadap karya asal.

4.0 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

Dapatan kajian yang berkaitan dengan isu-isu utama serta cadangan penyelesaian dalam pelaksanaan hibah takaful dihuraikan dan dianalisis secara sistematik berdasarkan empat tema perbincangan utama, iaitu pematuhan Syariah dalam pelaksanaan hibah takaful, struktur akad serta isu-isu fiqh yang berkaitan dengan hibah takaful, aspek tadbir urus Syariah dan amalan takaful di Malaysia, serta tahap literasi digital dan kewangan dalam pelaksanaan hibah takaful.

4.1 Pematuhan Syariah Dalam Pelaksanaan Hibah Takaful

Analisis menunjukkan bahawa pelaksanaan hibah takaful di Malaysia masih berada pada tahap pengukuhan dan memerlukan garis panduan yang lebih jelas bagi memastikan pematuhan syariah sepenuhnya. Walaupun kebanyakan syarikat takaful telah menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Syariah (Shariah Advisory Committee), amalan pemantauan dan audit syariah masih belum seragam antara syarikat (Ismail & Mohamed Said, 2024).

Kajian oleh Mohamed et al. (2023) mendapati bahawa sebahagian produk hibah takaful mempunyai kelemahan pada aspek akad hibah, terutamanya apabila manfaat takaful dianggap sebagai hibah yang belum berlaku penyerahan hak sebenar

sehingga peserta meninggal dunia. Hal ini menimbulkan perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha tentang kesahihan hibah tersebut kerana hibah yang sah perlu disertai dengan penyerahan hak segera.

Selain itu, terdapat syarikat takaful yang masih menggunakan terma hibah bersyarat (*hibah mu'allaqah*) sebagai mekanisme pengagihan manfaat. Walaupun pendekatan ini dibenarkan oleh sebahagian fuqaha moden atas dasar *maslahah* (kepentingan umum), ia tetap memerlukan penelitian lanjut agar tidak bercanggah dengan prinsip asas fiqh hibah (Al-Qanātir, 2024).

4.2 Pematuhan Syariah Dalam Pelaksanaan Hibah Takaful

Analisis menunjukkan bahawa pelaksanaan hibah takaful di Malaysia masih berada pada tahap pengukuhan dan memerlukan garis panduan yang lebih jelas bagi memastikan pematuhan syariah sepenuhnya. Walaupun kebanyakan syarikat takaful telah menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Syariah (Shariah Advisory Committee), amalan pemantauan dan audit syariah masih belum seragam antara syarikat (Ismail dan Mohamed Said, 2024).

Kajian oleh Mohamed et al. (2023) mendapati bahawa sebahagian produk hibah takaful mempunyai kelemahan pada aspek akad hibah, terutamanya apabila manfaat takaful dianggap sebagai hibah yang belum berlaku penyerahan hak sebenar sehingga peserta meninggal dunia. Hal ini menimbulkan perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha tentang kesahihan hibah tersebut kerana hibah yang sah perlu disertai dengan penyerahan hak segera.

Selain itu, terdapat syarikat takaful yang masih menggunakan terma hibah bersyarat (*hibah mu'allaqah*) sebagai mekanisme pengagihan manfaat. Walaupun pendekatan ini dibenarkan oleh sebahagian fuqaha moden atas dasar *maslahah* (kepentingan umum), ia tetap memerlukan penelitian lanjut agar tidak bercanggah dengan prinsip asas fiqh hibah (Al-Qanātir, 2024).

4.3 Struktur Akad Dan Isu Fiqh Berkaitan Hibah Takaful

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat kekeliruan dalam kalangan peserta dan bahkan sebahagian ejen takaful mengenai perbezaan antara hibah, wasiat dan amanah. Kajian oleh Alias dan Badarulzaman (2024) mendapati bahawa ramai peserta menganggap manfaat takaful sebagai wasiat sedangkan struktur akad sebenar adalah hibah bersyarat. Kekeliruan ini berpunca daripada kurangnya penjelasan kontrak dan dokumentasi yang mesra pengguna.

Dari sudut fiqh, hibah yang sah mesti memenuhi rukun hibah iaitu: pemberi (*wāhib*), penerima (*mawhūb lah*), barang yang dihibahkan (*mawhūb*), dan sighth (*ijab dan qabul*). Dalam konteks takaful, manfaat takaful biasanya diisytiharkan sebagai *mawhūb*, namun pelaksanaannya hanya berlaku selepas kematian peserta. Ini menjadikannya *hibah mu'allaqah bi al-maut*, yang dalam sebahagian pandangan fuqaha lebih hampir kepada wasiat (Yusof dan Zakaria, 2023).

Kajian ini juga menunjukkan bahawa sesetengah syarikat takaful menggunakan pendekatan dual-akad: akad *tabarru'* (sumbangan) dan akad hibah bersyarat. Pendekatan ini bertujuan mengelakkan unsur *gharar* dan *maysir*, tetapi memerlukan dokumentasi kontrak yang lebih telus agar tidak menimbulkan

keraguan dari segi pemindahan hak milik manfaat takaful kepada penerima hibah (Zoolhelmi & Thaidi, 2023).

4.4 Tadbir Urus Syariah Dan Dan Amalan Takaful Malaysia

Pemerhatian terhadap laporan tahunan industri menunjukkan bahawa pelaksanaan tadbir urus syariah memainkan peranan penting dalam mengekalkan kepercayaan peserta takaful. Kajian oleh Faiz et al. (2023) mendapati bahawa penubuhan unit *Shariah Review and Compliance* di bawah seliaan Bank Negara Malaysia membantu meningkatkan pengawasan dan audit syariah terhadap operasi takaful.

Bagaimanapun, terdapat keperluan kepada standardisasi garis panduan bagi aspek hibah takaful. Tidak semua pengendali mempunyai dokumen dasar hibah yang jelas atau modul latihan khas bagi ejen. Kajian oleh Abdullah (2025) menunjukkan bahawa perbezaan tafsiran dalam kalangan penasihat syariah menyebabkan ketidakkonsistenan dalam perlaksanaan akad hibah antara syarikat.

Dari perspektif maqasid syariah, pelaksanaan hibah takaful terbukti menyumbang kepada perlindungan harta (*hifz al-māl*) dan keturunan (*hifz al-nasl*). Namun, keberkesanan sebenar hanya dapat dicapai sekiranya tadbir urus syariah dilaksanakan secara telus dan disertai dengan kefahaman yang tinggi di peringkat peserta dan pengendali (Ismail et al., 2024).

4.5 Literasi Digital dan Kewangan dalam Pelaksanaan Hibah Takaful

Dalam era transformasi digital, kebanyakan urusan hibah takaful kini dilaksanakan melalui platform atas talian (e-takaful). Kajian Baharuddin et al. (2023) mendapati bahawa tahap literasi digital peserta memberi kesan langsung kepada kefahaman mereka terhadap akad dan hak sebagai penerima hibah. Peserta yang mempunyai literasi rendah lebih cenderung menganggap takaful sebagai pelaburan konvensional, bukan instrument *tabarru'*.

Di samping itu, literasi kewangan memainkan peranan penting dalam memastikan peserta memahami struktur sumbangan, agihan dan *tabarru'* serta hak waris penerima. Program seperti *Financial Literacy Month 2023* yang dianjurkan oleh Financial Education Network (FEN, 2023) telah meningkatkan kesedaran pengguna terhadap takaful dan hibah sebagai instrumen pengurusan harta dalam Islam.

Kajian oleh Norman dan Nasir (2023) menegaskan bahawa kekurangan literasi digital dan kewangan boleh menjejaskan integriti pelaksanaan produk takaful kerana peserta gagal menilai kesahihan maklumat yang disebarikan dalam media sosial. Oleh itu, industri takaful perlu memperkukuh program kesedaran digital bagi memastikan penerangan tentang konsep hibah dapat difahami secara menyeluruh oleh peserta dan ejen.

Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan bahawa pelaksanaan sistem hibah takaful di Malaysia telah mencapai kemajuan dari segi pematuhan syariah dan tadbir urus, namun masih terdapat keperluan penambahbaikan pada aspek kejelasan akad, literasi digital peserta, serta standardisasi fatwa dan garis panduan hibah di peringkat industri.

5.0 PERBINCANGAN

5.1 Hubungan Konsep Hibah Takaful Dengan Al-Quran Dan Hadis

Asas pelaksanaan hibah takaful berpaksikan prinsip *ta'awun* (tolong-menolong) dan *tabarru'* (sumbangan sukarela). Prinsip ini berakar dalam firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa; dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan*” (al-Maidah, 5:2)

Ayat ni menjadi asas kepada konsep takaful kerana ia menegaskan kewajipan kerjasama sesama Muslim bagi tujuan kebajikan termasuk perlindungan risiko kewangan. Dalam konteks hibah, pemberian manfaat takaful kepada waris selari dengan prinsip ihsan dan sedekah yang dianjurkan oleh Nabi SAW:

Maksudnya: “*Saling memberi hadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling mencintai.*” (Riwayat al-Bukhari)

Hibah takaful bukan sahaja memenuhi keperluan kewangan tetapi turut memperkukuh hubungan kekeluargaan dan tanggungjawab sosial dalam masyarakat Islam.

5.2 Perbincangan Fiqh dan Isu Akad

Dari sudut fiqh, pelaksanaan hibah takaful perlu memenuhi empat rukun utama berikut:

- i. Pemberi hibah (*wāhib*)
- ii. Penerima hibah (*mawhūb lah*)
- iii. Objek hibah (*mawhūb*)
- iv. Sighah (*Ijab qabul*)

Dalam produk takaful, manfaat hibah sering diisytiharkan sebelum kematian peserta tetapi hanya berkuat kuasa selepas kematian. Ini menimbulkan isu sama ada ia *hibah mu'allaqah bi al-mawt* (hibah bersyarat kematian) atau *wasiat khafiyyah* (wasiat terselindung). Menurut pandangan Ibn Qudāmah (1998) dalam *al-Mughnī*, hibah yang disyaratkan berkuat kuasa selepas kematian hanya sah jika direstui oleh penerima dan tidak melanggar hak pewarisan yang sah.

Namun sebahagian fuqaha kontemporari seperti al-Zuhaylī (2006) berpendapat bahawa hibah takaful boleh dianggap sah kerana ia berlaku dalam konteks akad *tabarru'* iaitu pemberian sukarela yang bukan bertujuan komersial. Oleh itu, selagi akadnya jelas, tidak mengandungi *gharar* dan diluluskan oleh panel syariah, maka ia menepati prinsip fiqh muamalat.

5.3 Analisis Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Hibah Takaful

Dari sudut maqasid syariah, sistem hibah takaful memberi sumbangan terhadap perlindungan 5 (lima) keperluan asas (*al-daruriyyat al-khamsah*):

Maqāṣid	Aplikasi dalam Hibah Takaful
<i>Hifẓ al-māl</i> (Memelihara harta)	Manfaat takaful diagihkan terus kepada penerima hibah tanpa tertangguh bagi mengelakkan pertikaian harta pusaka.
<i>Hifẓ al-nasl</i> (Memelihara keturunan)	Melindungi kesejahteraan keluarga selepas kematian peserta melalui jaminan kewangan.
<i>Hifẓ al-‘aql</i> (Memelihara akal)	Memberi ketenangan fikiran kepada peserta dengan pengurusan harta yang jelas dan sah.
<i>Hifẓ al-dīn</i> (Memelihara agama)	Menjauhkan umat Islam daripada sistem insurans konvensional yang berunsur riba, <i>gharar</i> dan <i>maysir</i> .
<i>Hifẓ al-naḥs</i> (Memelihara nyawa)	Membantu waris menampung kos sara hidup dan pendidikan selepas kehilangan punca pendapatan.

Kajian oleh Faiz et al. (2023) mengesahkan bahawa prinsip maqasid syariah menjadi teras utama dalam reka bentuk produk takaful moden di Malaysia, termasuk hibah takaful yang memfokuskan kesejahteraan peserta dan waris waris.

5.4 Integrasi Literasi Digital Dan Kewangan Dalam Merangka Fiqh

Pelaksanaan sistem hibah takaful masa kini tidak dapat dipisahkan daripada teknologi digital. Platform e-takaful memudahkan pendaftaran, pemantauan dana *tabarru‘* dan pengagihan hibah. Walau bagaimanapun, aspek literasi digital menjadi faktor kritikal dalam memastikan peserta memahami akad dan hak mereka. Kajian Baharuddin et al. (2023) menunjukkan bahawa tahap literasi digital yang rendah boleh menyebabkan kekeliruan tentang status hibah serta risiko salah faham terhadap dokumen kontrak digital. Dari perspektif fiqh, penggunaan teknologi ini dibenarkan selagi akad dilaksanakan dengan jelas dan disahkan oleh pihak yang berautoriti (*tawthīq al-‘uqūd*). Majlis Fatwa Kebangsaan (2024) menegaskan bahawa tandatangan elektronik dan transaksi digital adalah sah dari sudut syariah apabila disertai bukti niat dan persetujuan yang nyata. Oleh itu, sistem hibah takaful digital perlu dilengkapi modul pendidikan syariah dan keselamatan data bagi memastikan transaksi dilakukan secara amanah dan telus.

5.5 Implikasi Terhadap Industri Takaful Malaysia

Analisis keseluruhan menunjukkan bahawa hibah takaful bukan sahaja menepati prinsip muamalat Islam tetapi turut memperkukuh reputasi industri takaful Malaysia sebagai sistem kewangan Islam progresif. Namun, beberapa langkah perlu diambil:

- i. Penyeragaman fatwa dan garis panduan hibah takaful oleh Majlis Penasihat Syariah BNM.
- ii. Peningkatan kemahiran digital dan literasi fiqh dalam kalangan ejen dan peserta.
- iii. Pembangunan modul audit syariah bersepadu bagi menilai pematuhan akad hibah secara berkala.

Oleh itu, pengukuhan terhadap aspek-aspek tersebut adalah penting bagi memastikan pelaksanaan hibah takaful mampu mencapai keseimbangan yang harmoni antara tuntutan perundangan moden dan pematuhan terhadap prinsip serta kehendak Syariah.

6.0 CADANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan sistem hibah takaful di Malaysia merupakan inovasi muamalat Islam yang mempunyai asas kukuh dalam prinsip fiqh hibah dan maqasid syariah. Hibah takaful bukan sekadar alat pengurusan harta, tetapi juga satu mekanisme sosial berasaskan *ta'āwun* dan *tabarru'* yang memberi perlindungan kepada waris serta menjamin keadilan dalam agihan harta.

Namun begitu, hasil analisis menunjukkan bahawa pematuhan syariah dalam pelaksanaannya masih memerlukan penambahbaikan khususnya dalam aspek struktur akad, penyerahan hak, dan kefahaman masyarakat terhadap perbezaan antara hibah, wasiat dan amanah. Di samping itu, aspek tadbir urus syariah dan literasi digital peserta juga mempengaruhi keberkesanan sistem hibah takaful dalam konteks moden.

Secara keseluruhannya, hibah takaful menepati tujuan maqasid syariah dengan melindungi harta (*hifz al-māl*), keluarga (*hifz al-nasl*), dan kesejahteraan agama dan umat Islam (*hifz al-dīn*). Oleh itu, pelaksanaannya perlu terus diperkukuhkan melalui panduan fiqh yang jelas dan adaptasi teknologi yang beretika agar sistem ini kekal relevan dalam era digital.

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkukuh pelaksanaan hibah takaful di Malaysia:

- i. Penyeragaman Fatwa dan Garis Panduan Syariah
Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia (BNM) disaran membangunkan garis panduan standard bagi hibah takaful supaya wujud keseragaman dari segi akad, syarat hibah, dan dokumentasi antara syarikat;
- ii. Peningkatan Literasi Syariah dan Digital
Pengendali takaful perlu memperkenalkan modul latihan berterusan kepada ejen dan peserta mengenai fiqh hibah serta penggunaan platform digital secara beretika;
- iii. Integrasi Sistem Audit Syariah Digital
Audit Syariah perlu dijalankan menggunakan teknologi automasi dan blockchain bagi memastikan ketelusan dalam pengurusan dana *tabarru'* dan agihan hibah;
- iv. Kerjasama Akademia dan Industri

- Institusi pengajian tinggi Islam disaran menjalankan penyelidikan bersama syarikat takaful untuk membangunkan model hibah digital patuh syariah yang berpaksikan prinsip maqasid syariah;
- v. Penggubalan Akta Hibah Nasional
Cadangan penggubalan undang-undang hibah peringkat kebangsaan wajar dipertimbangkan bagi mengelak percanggahan tafsiran antara negeri serta memberikan perlindungan undang-undang kepada penerima hibah takaful.

Sehubungan dengan itu, melalui pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut secara bersepadu dan berkesan, sistem hibah takaful di Malaysia diyakini berpotensi untuk muncul sebagai model terbaik di peringkat antarabangsa, khususnya sebagai instrumen pengurusan harta Islam yang adil, telus dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran era ekonomi digital.

Sumbangan Pengarang

Syed Abu Bakar, S. K., Ahmad, S., Mohammad, C. H., Kirin, A., Husen Ismail, F., Ghozali, M. dan Mohd Nor, M. T., terlibat secara kolektif dalam setiap peringkat penghasilan artikel ini, termasuk penyediaan pengenalan, perbincangan dan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, serta penyuntingan draf akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ahmad, M. K., & Borhan, J. T. (2017). Penggunaan Hibah bersyarat (berta'liq) dalam masalah pembahagian manfaat takaful: Analisis hukum. *Jurnal Syariah*, 25(1), 51–74. <https://doi.org/10.22452/js.vol25no1.3>
- Amylia Fuziana Azmi, Nor Laila Ahmad, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Nik Salida Suhaila Nik Saleh & Mushaddad Hasbullah (2024). Unveiling The Significance of Proposing Hibah as An Alternative To Nafkah Security For Widows. *Malaysian Jurnal of syariah Law*, vol.12 no.2. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no2.947>
- Ahmad Zoolhelmi, A. B., & Abdullah Thaidi, H. A. (2023). Implementation of hibah in AIA Takaful in Malaysia: Issues and challenges. *SALAM Digest*, 1(1), 1–9.
- Alias, A. Z., & Badarulzaman, M. H. (2024). The practice of hibah in takaful institutions: A case study in Takaful Ikhlas Sdn Bhd. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*.
- Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Hashim, H., Syed Husin, S. N. M., & Alias, M. A. A. (2023). Kesan ketiadaan literasi digital ke arah salah

- laku digital dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(1), 91–107.
- Batrisya, Aliyatul & Ahmad Zoolhelmi, Alias & Azeemi, Hussein & Razazila, Wan. (2024). Hibah Takaful's Issues and Challenges in Malaysia. *Proceeding of 2nd International Conference and Business*.
- Faiz Mohamed Yusof, M., Romli, N., Mahmod, Z., & Borhan, J. T. (2023). Tadbir urus syariah dalam industri takaful di Malaysia: Implikasi pra dan pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. *Sains Humanika*, 5(1). <https://doi.org/10.11113/sh.v5n1.505>
- Hanan, Farah & Ghani, Hartini & Arifin, Juliana. (2024). A Conceptual Framework of E-Takaful Participation Readiness (ETPR) among Individuals at Insurable Age in Malaysia. *Journal of Entrepreneurship and Business*. 12. 116-126. 10.17687/jeb.v12i1.1197.
- Ismail, S. R., & Mohamed Said, N. L. (2024). Position of conditional hibah in takaful products: A literature review. *Al-Qanātir: International Journal of Islamic Studies*.
- Khairina Rosli, Nadzirah Mohd Said, Azizi Abu Bakar (2024). The Role Of Financial Literacy In Promoting Takaful Awareness For B40 Single Mothers. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 9(58), DOI: 10.55573/IJAFB.095811
- Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli, Nurhanani Romli, Muhamad Hasif Yahaya (2024). Shariah Risk Exposure in Takaful Company Investments in Malaysia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 8(14), 673-684. <https://doi.org/https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2024.814MG0055>
- Norman, M. W., & Nasir, Z. M. (2023). Challenges of social media usage in public health communication in the Malaysian context. *Sains Humanika*, 17(2). <https://doi.org/10.11113/sh.v17n2.2195>
- Rasinah Zakaria, A. N. Ahmad, N. Samsudin, & N. Hashim. (2025). Effectiveness of a religion-based digital intervention in enhancing literacy and behaviour among Malaysian students. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 8(2).
- Wan Jusoh, W.N.H. & Abu Bakar, M.A.S., (2024). Islamic Financial Wisdom: Examining Hibah Awareness In Islamic Wealth Management Among Muslim Communities. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 109-121.
- Yusof, A. F., & Zakaria, M. R. (2023). Reassessing hibah mu'allaqah in Islamic financial planning: A Shariah analysis. *Journal of Islamic Finance and Law*, 9(1), 33–48.
- Zainuddin, M. H., & Kamaruddin, S. N. (2024). Library-based approach in Islamic finance research. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 5(2), 77–90.